

Ticket to Victory

Prinsip Perakaunan



TERBITAN:

SEKTOR PEMBELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

EDISI KEDUA

PRAKATA



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kerjasama panel penggubal, guru cemerlang dan jurulatih utama mata pelajaran telah menghasilkan modul Ticket to Victory yang disediakan berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tingkatan 4 dan 5. Penghasilan modul ini adalah hasil sumbangan tenaga guru – guru berpengalaman negeri Perak. Modul ini mengandungi contoh soalan mengikut topik dan skema jawapan bagi 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih berdasarkan format baharu peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia mulai tahun 2022.

Modul Ticket to Victory disediakan dalam format “pdf” dan boleh digunakan semasa pengajaran dan pembelajaran (PdP) atau digunakan sebagai bahan latihan pengukuhan, pengayaan dan ulangkaji di rumah. Bahan ini juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru untuk membina soalan mengikut format SPM. Justeru itu, diharap modul Ticket to Victory dapat dimanfaatkan sebaik mungkin demi kecemerlangan SPM di negeri Perak bertepatan dengan slogan Jabatan Pendidikan Negeri Perak iaitu “We Deliver”.

Sektor Pembelajaran,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
Jalan Tawas Baru Utara,
Tasek Damai,
30010, Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-292 2745 / 05- 292 3603
Faks : 05 – 292 3851
2022

PRAKATA PENGARAH PENDIDIKAN



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Modul Ticket To Victory ini berjaya dihasilkan untuk edisi kedua.

Modul ini dihasilkan oleh Sektor Pembelajaran, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dengan kolaboratif panel penggubal, guru cemerlang dan jurulatih utama mata pelajaran yang berpengalaman. Modul ini mengandungi 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih merangkumi sukatan tingkatan 4 dan 5.

Pembinaan modul ini adalah seiring dengan perubahan format peperiksaan SPM bermula tahun 2021 berasaskan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Modul ini juga diharapkan dapat membantu guru-guru dan calon-calon SPM menjalankan latihan berfokus agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi peperiksaan SPM nanti.

Bagi pihak jabatan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Sektor Pembelajaran JPN dan PPD serta guru-guru yang bergabung tenaga dan idea menghasilkan modul ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan kepada Yayasan Perak atas sumbangan dan sokongan yang berterusan dalam menjayakan pembinaan modul ini.

Akhir kata, semoga Allah SWT sentiasa memberkati usaha yang kita lakukan ini dan pendidikan di negeri Perak akan terus cemerlang.

Sekian. Terima kasih.

AZNAN BIN ALIAS, AMP

Pengarah Pendidikan Negeri Perak



PRAKATA TIMBALAN PENGARAH PENDIDIKAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh kepada semua warga pendidik dan semua calon SPM negeri Perak.


Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT dengan berkat izin dan limpah kurnia-Nya, Modul Ticket To Victory ini dapat direalisasikan untuk edisi kedua. Modul ini melibatkan 21 mata pelajaran teras dan elektif terpilih merangkumi sukatan tingkatan 4 dan 5.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua bidang di Sektor Pembelajaran, JPN Perak dan semua panel penggubal modul yang terdiri daripada guru cemerlang, jurulatih utama mata pelajaran dan guru berpengalaman yang telah bertungkus lumus mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran sehingga berjaya menghasilkan modul ini mengikut masa yang ditetapkan.

Penghasilan Modul Ticket To Victory ini adalah salah satu inisiatif Jabatan Pendidikan Perak untuk menyediakan sumber pembelajaran dan latihan kepada calon-calon SPM. Pemilihan item soalan adalah merangkumi pelbagai aras kesukaran bagi setiap mata pelajaran. Soalan – soalan telah disusun berdasarkan format terkini peperiksaan SPM seiring dengan Kurikulum Standard Sekolah Menengah.

Modul pembelajaran ini akan disebarluaskan kepada guru-guru melalui blog Anjung Ilmu Guru Perak. Saya amat yakin penggunaan modul ini dan juga komitmen semua yang terlibat akan memberikan impak yang besar kepada kecemerlangan murid di negeri Perak dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia nanti.

Sekian. Terima kasih.


HAJAH RAHIMAH BINTI MOHAMED AMP

Timbalan Pengarah Pendidikan, Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

PENASIHAT

YBRS. EN. AZNAN BIN ALIAS, A.M.P.
Pengarah Pendidikan Negeri Perak

KETUA PROJEK

PN. HJH. RAHIMAH BINTI MOHAMED, A.M.P.
Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Perak

PENYELARAS

PN. A'ISAH BINTI MOHAMAD
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Bidang TVET

PENOLONG PENYELARAS

EN. ABD RAZAK BIN MOHD YUSOF
Ketua Penolong Pengarah
Bidang TVET

AHLI JAWATANKUASA

EN. MOHD AZRIL BIN MOHD AZLAN
CIK NURIZATUL IRMA BINTI MOHD YAZID
EN. YANG SHAHRIN BIN AB AZIZ
Penolong Pengarah
Bidang TVET

Penghargaan

Bidang TVET, Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak
merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan

Panel Penggubal Modul

KETUA PANEL



PN. ZUMEME BINTI MUHAMMAD
SMK Bandar Baru Putra, Ipoh

AHLI PANEL



PN. HALIMATUN SAADIAH BINTI
ABDUL RAMAN
SMK Lahat, Lahat



EN. MOHD ZULHELMI BIN ABDUL
WAHAB
SMK Jalan Tasek, Ipoh



PN. SITI NOR ASHIKIN BINTI NOORDIN
SMK Seri Keledang, Menglembu



PN. NORZIMA BINTI SAMSUDIN
Sk Raja Perempuan Taayah, Ipoh



PN. FATIMAH HUSNA BINTI ABU
YAMIN
SMK Ulu Kinta, Ipoh



PN. NOR AZWA BINTI AHIM
Sk Izzuddin Shah, Ipoh

ISI KANDUNGAN

KERTAS 1- SOALAN OBJEKTIF PRINSIP PERAKAUNAN

SET 1	1
SET 2	22
SET 3	41
SET 4	58

KERTAS 2 – SOALAN NO.1 PRINSIP PERAKAUNAN

MODUL 1	PENGENALAN KEPADA PERAKAUNAN	77
MODUL 2	KLASIFIKASI AKAUN DAN PERSAMAAN PERAKAUNAN	81
MODUL 3	DOKUMEN PERNIAGAAN SEBAGAI SUMBER MAKLUMAT	86
MODUL 4	BUKU CATATAN PERTAMA	92
MODUL 5	LEJAR	99
MODUL 6	IMBANGAN DUGA	104
MODUL 7	PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL TANPA PELARASAN	109
MODUL 8	PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN DAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL	113
MODUL 9	PEMBETULAN KESILAPAN	117
MODUL 10	ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN	124
MODUL 11	REKOD TAK LENGKAP	130
MODUL 12	PERAKAUNAN UNTUK KAWALAN DALAMAN	134
MODUL 13	PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN	138
MODUL 14	PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER	142
MODUL 15	PERAKAUNAN UNTUK KELAB DAN PERSATUAN	147
MODUL 16	PERAKAUNAN KOS	152

KERTAS 2 – SOALAN 20-25 MARKAH

MODUL 3 – MODUL 6	155	
MODUL 8	PELARASAN PADA TARIKH IMBANGAN DAN PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN MILIKAN TUNGGAL	179
MODUL 9	PEMBETULAN KESILAPAN	203
MODUL 11	REKOD TAK LENGKAP	214
MODUL 13	PERAKAUNAN UNTUK PERKONGSIAN	236
MODUL 15	PERAKAUNAN UNTUK KELAB DAN PERSATUAN	263
MODUL 16	PERAKAUNAN KOS	286

KERTAS 1

OBJEKTIF SET 1

- 1 **Keupayaan Penyata Kewangan dalam mempengaruhi keputusan yang diambil oleh pengguna penyata kewangan.**

Maklumat di atas adalah merujuk kepada salah satu ciri kualitatif penyata kewangan iaitu

- A relevan
- B kebolehfahaman
- C kebolehbandingan
- D kebolehpercayaan

- 2 **Akauntan tidak boleh berkompromi dan berat sebelah serta tidak terpengaruh dengan pihak tertentu yang mempunyai kepentingan.**

Kod etika akauntan profesional yang manakah merujuk pernyataan di atas?

- A integriti
- B objektiviti
- C kompetensi
- D akauntabiliti

- 3 Berikut adalah komponen di dalam Penyata Kewangan perniagaan.

Manakah antara berikut yang benar?

	Komponen	Akaun
A	Kos Jualan	Inventori awal, Belian, Angkutan masuk
B	Aset Semasa	Kenderaan, Tunai, Akaun Belum Terima
C	Ekuiti pemilik	Modal awal, Akaun Belum Bayar
D	Jualan Bersih	Jualan dan Pulangan keluar

- 4 Situasi berikut berkaitan dengan suatu andaian , prinsip dan batasan perakaunan.

Perniagaan Biskut dan Kek Rose ingin membeli peralatan dan mesin adunan yang canggih, dijangka dapat meningkatkan keuntungan perniagaan untuk beberapa tahun akan datang.

Apakah andaian, prinsip atau batasan perakaunan tersebut?

- A Ketekalan
 - B Kos sejarah
 - C Kos manfaat
 - D Usaha berterusan
- 5 Berikut merupakan kesan satu urus niaga terhadap persamaan perakaunan yang diperoleh daripada Borhan Homestay.

Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
Berkurang	Berkurang	Tiada Kesan

Pernyataan manakah yang menunjukkan kesan urus niaga di atas?

- A Menerima sewa belum terima RM1 000 daripada penyewa.
- B Menjelaskan sewa belum bayar RM1 000 dengan tunai.
- C Menerima sewa RM1 000 daripada penyewa.
- D Menjelaskan sewa RM1 000 dengan tunai.

- 6 Kedai Alatan Elektrik Maheran telah membeli barang berikut secara kredit pada 15 April 2021.

	RM
30 unit kipas silling berharga RM 120 seunit	3 600
50 unit cerek berharga RM 60 seunit	3 000
Jumlah	6 600
Diskaun niaga 20%	
Diskaun tunai : 10% 10 hari, 5% 15 hari	

Berapakah jumlah yang perlu dijelaskan oleh Kedai Alatan Elektrik Maheran jika pembayaran dibuat pada 25 April 2021?

- A RM4 752
 B RM5 016
 C RM5 940
 D RM6 270
- 7 Maklumat berikut diambil daripada perniagaan Farhan Enterprise.

Farhan Enterprise menghantar Nota Debit kepada pelanggannya untuk menambahkan bayaran yang dikenakan kerana kesilapan terkurang caj di dalam Invois

Apakah Buku Catatan Pertama yang terlibat untuk merekod urus niaga di atas?

- A Jurnal Jualan
 B Jurnal Belian
 C Jurnal Pulangan Belian
 D Jurnal Pulangan Jualan
- 8 Urus niaga manakah yang direkodkan dalam Jurnal Am?
- I Ambilan tunai
 II Ambilan barang niaga
 III Belian barang niaga secara kredit
 IV Jualan aset bukan semasa secara kredit
- A I dan III
 B I dan IV
 C II dan III
 D II dan IV

- 9 Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Andryan .

2021

Julai 21 Terima cek daripada Akaun Belum Terima iaitu Asrif Trading berjumlah RM3 400, diskaun tunai RM25

Apakah catatan yang betul dalam Buku Tunai Kedai Andryan?

A Dt. Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun diberi	Bank
2021		RM	RM
Jul-21	Kedai Andryan	25	3 400

B Dt. Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun Diberi	Bank
2021		RM	RM
Jul-21	Asrif Trading	25	3 400


C Buku Tunai Kt.

Tarikh	Butir	Diskaun Diterima	Bank
2021		RM	RM
Jul-21	Kedai Andryan	25	3 400

D Buku Tunai Kt.

Tarikh	Butir	Diskaun Diterima	Bank
2021		RM	RM
Jul-21	Asrif Trading	25	3 400

10



Apakah S dan R?

	S	R
A	Akaun Perabot	Akaun Alat tulis
B	Akaun Modal	Akaun Sewa
C	Akaun Gaji	Akaun Kenderaan
D	Akaun Faedah Simpanan	Akaun Pinjaman

11 Antara berikut pernyataan manakah yang benar tentang baki-baki akaun?

- I Alat tulis dan Akaun belum Bayar berbaki kredit
 - II Insurans dan Sewa prabayar berbaki debit
 - III Susut nilai terkumpul dan komisen diterima belum terperoleh berbaki kredit
 - IV Pnjaman dan Sewa belum Terima berbaki debit
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12 Jurnal Pulangan Jualan berikut diambil daripada buku Pemborong buah-buahan.

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	No. Dokumen	Jumlah (RM)
2021			
Jul 14	Radin	INV911	190
15	Murad	INV401	200
31	Akaun Pulangan Jualan		<u>390</u>

Apakah catatan yang direkodkan dalam Akaun Pulangan Jualan pada 31 Julai 2021?

A Akaun Pulangan Jualan

		2021	RM
		Jul. 31 Akaun Belum Terima	390

B Akaun Pulangan Jualan

		2021	RM
		Jul. 14 Radin	190
		15 Murad	200

C Akaun Pulangan Jualan

2021		RM	
Jul. 14	Radin	190	
15	Murad	200	

D Akaun Pulangan Jualan

2021		RM	
Jul. 31	Akaun Belum Terima	390	

13 Maklumat yang berikut diperolehi daripada Buku Perniagaan Syamil.

2021		RM
Jul 31	Baki debit Lejar Jualan	2 200
	Pulangan jualan	1 050
	Bayaran oleh pelanggan	9 360
	Hutang lapuk	360
	Faedah	840
	Diskaun Diberi	690
	Cek tak layan	1 830
	Baki debit Lejar Jualan	3 270

Berapakah jualan kredit Perniagaan Syamil?

- A RM3 320
- B RM7 260
- C RM9 860
- D RM11 540

14 Antar berikut, manakah benar tentang inventori yang direkod mengikut kaedah sistem berterusan.

- I Merekod pergerakan inventori sepanjang masa.
- II Dihitung pada akhir tahun perakaunan.
- III Sistem ini biasa digunakan oleh pasar raya besar.
- IV Nilai inventori akhir kurang tepat.

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

- 15 Antara berikut, urus niaga yang manakah akan mengurangkan modal kerja?
- A Pulangan jualan RM450.
 - B Komisen belum terperoleh RM350.
 - C Menerima pinjaman bank RM40 000.
 - D Pemilik membayar sewa kedai RM800 menggunakan wang simpanannya.
- 16 Maklumat berikut diperolehi daripada sebuah perniagaan.

	RM
Untung kasar	6 000
Sewa dibayar	1 000
Inventori akhir	800
Faedah atas pinjaman	600
Faedah atas simpanan	300

Berapakah nilai untung bersih?

- A RM3 600
 - B RM3 900
 - C RM4 100
 - D RM4 700
- 17 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Perniagaan Afnan.

Imbangan Duga pada 31 Januari 2018		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	4 000	
Peruntukan Hutang Ragu		200

Syarikat telah memutuskan peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% daripada jumlah Akaun Belum Terima bersih.

Apakah kesan terhadap hasil atau belanja syarikat?

- A Belanja bertambah RM 80
- B Belanja berkurang RM120
- C Hasil bertambah RM80
- D Hasil berkurang RM120

- 18 Akaun-akaun di bawah diperoleh daripada sebuah firma. Polisi firma telah menetapkan susut nilai lengkapan 10% setahun berdasarkan nilai buku.

Lengkapan			
2020		RM	
Jul 1	Baki b/b	60 000	

Susut Nilai Terkumpul Lengkapan			
		2020	RM
	Jul 1	Baki b/b	6 000

Berapakah susut nilai terkumpul kenderaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2021?

- A RM5 400
 - B RM6 000
 - C RM11 400
 - D RM12 000
- 19 Puan Ramlah membeli sebuah kenderaan pada 1 Januari 2013 dengan menggunakan 10% susut nilai kaedah garis lurus. Tempoh perakaunan berakhir 31 Disember setiap tahun. Berikut merupakan petikan Akaun Pelupusan tersebut.

Akaun Pelupusan Kenderaan

Tarikh	Butir	Jumlah RM	Tarikh	Butir	Jumlah RM
2021			2021		
Dis. 31	Kenderaan	57000	Dis. 31	Susut nilai terkumpul	?
				Bank	5000

Apakah kesan pelupusan sekiranya Puan Ramlah dapat menjual kenderaan tersebut pada 31 Disember 2021?

- A Rugi atas pelupusan RM700
- B Rugi atas pelupusan RM1175
- C Untung atas pelupusan RM700
- D Untung atas pelupusan RM1175

20 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Kedai Dobi Rama - Rama.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2021		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Sewa	3 600	
Komisen		3 280
Maklumat tambahan:		
(i) Sewa yang dibayar ialah bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.		
(ii) Komisen sebanyak RM200 masih belum diterima.		

Berapakah jumlah sewa dan komisen yang akan ditunjukkan di dalam Akaun Untung Rugi?

	Sewa	Komisen
	RM	RM
A	300	200
B	1 800	200
C	3 600	3 480
D	1 800	3 480

21 Jumlah sewa dibayar di Imbangan Duga ialah sebanyak RM1 600. Sewa tahunan adalah RM4 200. Berapakah nilai yang akan ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan?

- A** Sewa belum bayar RM2 600.
- B** Sewa belum bayar RM1 600.
- C** Sewa prabayar RM2 600.
- D** Sewa prabayar RM1 600.

- 22** Nisbah manakah yang dapat digunakan untuk mengukur peratus pertambahan nilai kepada kos jualan?
- A** Margin
B Tokokan
C Nisbah semasa
D Pulangan atas modal
- 23** Encik Latif tidak mengamalkan sistem catatan bergu semasa membuat perekodan urus niaganya. Apakah kaedah yang boleh digunakan oleh Encik Latif untuk menentukan pendapatan perniagaannya?
- I Kaedah Analisis
 II Kaedah Perbandingan
 III Kaedah Penilaian Semula
 IV Kaedah Margin Caruman
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 24** Aset dan liabiliti BEST ENT adalah seperti berikut:

	1 April 2021	31 Mac 2022
	RM	RM
Modal	31 550	38 250

Maklumat Tambahan pada 31 Mac 2022 :

- (i) Ambilan barang niaga RM 125 setiap bulan
 (ii) Pemilik membawa masuk perabot peribadi untuk kegunaan perniagaan RM 800

Berapakah untung bersih atau rugi bersih bagi tahun berakhir 31 Mac 2022?

- A** Rugi RM6 000
B Rugi RM7 375
C Untung RM6 025
D Untung RM7 400

- 25 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Bunny yang mengamalkan catatan tunggal untuk menyimpan akaunnya.

	RM
Baki pada 30 Jun 2021	
Perabot	5 200
Akaun Belum Terima	3 500
Akaun Belum Bayar	2 800
Tunai	1 460
Bank	5 200
Sewa Belum terperoleh	600

Maklumat Tambahan:

- (i) Perabot disusut nilai 10 % setahun atas kos.
- (ii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan 2% atas Akaun belum Terima Tempoh perakaunan berakhir 30 Jun 2021.

Berapakah Modal Akhir?

- A RM 11 370
- B RM 11 440
- C RM 12 570
- D RM 13 160

26 Berikut ialah maklumat daripada Kedai Jimat Cermat.

Akaun Bank (petikan)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
Mac 1	Baki b/b	7 200	Mac 3	Belian	2 500
			7	Akaun Belum Bayar	2 100

Akaun Belum Bayar (petikan)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	RM
			Mac 1	Baki b/b	500
Mac 31	Baki h/b	200			

Berapakah jumlah belian?

- A RM1 800
- B RM2 800
- C RM4 300
- D RM4 900

27 Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

- A Menyelaras baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank.
- B Merekodkan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank.
- C Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek.
- D Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang.

- 28 Penyata Penyesuaian Bank berikut diperoleh daripada sebuah perniagaan.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2019

	RM	RM
R		(700)
Tambah : Cek belum dikemukakan	3 500	
Dividen	1 050	4 550
		<u>3 850</u>
Tolak : Deposit belum dikreditkan	2 450	
Caj bank	70	(2 520)
S		<u><u>1 330</u></u>

Apakah **R** dan **S**?

	R	S
A	Baki kredit di Buku Tunai	Baki debit di Penyata Bank
B	Baki debit di Penyata Bank	Baki kredit di Buku Tunai
C	Baki debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
D	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank

- 29 Maklumat berikut diperoleh daripada buku **Perkongsian Mirza**:

	RM
Modal Mira	30 000
Modal Aiza	40 000
Faedah atas modal 5% setahun	
Aiza membawa masuk modal tambahan pada 1 Oktober 2021 sebanyak RM 2 000	

Berapakah jumlah faedah atas modal Aiza bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2021?

- A** RM350
- B** RM525
- C** RM2 025
- D** RM2 100

- 30** Aniq telah membuat pembayaran kepada Akaun Belum Bayar berjumlah RM3500 semasa pembubaran perkongsiannya.

Apakah akaun yang terlibat kesan daripada urus niaga di atas?

	Debit	Kredit
A	Akaun Belum Bayar	Akaun Realisasi
B	Akaun Realisasi	Akaun Belum Bayar
C	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Belum Bayar
D	Akaun Belum bayar	Akaun Modal Pekongsi

- 31** Pernyataan manakah yang menyebabkan akaun modal berbaki debit pada tarikh pembubaran?
- I Ambilan yang banyak.
 - II Sumbangan modal yang besar.
 - III Nilai aset yang diambil alih rendah.
 - IV Rugi realisasi melebihi jumlah modal.
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

32 Syarikat Inovasi Berhad telah menerbitkan 4 200 000 unit syer biasa pada nilai RM2.00 sesyer kepada orang awam pada 1 April 2021. Pada 30 April 2021, semua syer telah dipohon beli dan dibayar penuh semasa permohonan.

Antara yang berikut, manakah menunjukkan catatan lejar yang benar mengenai terbitan syer pada 1 April 2021 di atas?

A Akaun Permohonan Syer Biasa

Modal Syer biasa	RM8 400 000	
------------------	-------------	--

Akaun Modal Syer Biasa

	Permohonan Syer biasa	RM8 400 000
--	-----------------------	-------------

B Akaun Modal Syer Biasa

Permohonan syer biasa	RM8 400 000	
-----------------------	-------------	--

Akaun Permohonan Syer Biasa

	Modal syer biasa	RM8 400 000
--	------------------	-------------

C Akaun Bank

Permohonan syer biasa	RM8 400 000	
-----------------------	-------------	--

Akaun Permohonan Syer Biasa

	Bank	RM8 400 000
--	------	-------------

D Akaun Permohonan Syer Biasa

Bank	RM8 400 000	
------	-------------	--

Akaun Bank

	Permohonan syer biasa	RM8 400 000
--	-----------------------	-------------

33 Maklumat berikut diperoleh daripada Mega Sauqi Berhad

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	RM
2 000 000 unit 8 % Syer Keutamaan	4 000 000
5 000 000 unit Syer Biasa, RM2.00 sesyer.	

Jika dividen yang dibayar kepada pemegang Syer Biasa ialah 13 sen atas setiap syer, berapakah jumlah dividen yang dibayar bagi tahun berkenaan?

- A RM1 620 000
 - B RM1 460 000
 - C RM970 000
 - D RM650 000
- 34 Apakah pendapatan modal bagi Kelab Futsal Impiana?
- A Derma membina gelanggang
 - B Sewa gelanggang
 - C Untung minuman
 - D Sewa laci
- 35 Maklumat di bawah ini diambil daripada Kelab Sukan R&R bagi tahun berakhir 30 Jun 2021.

	1 Julai 2020	30 Jun 2021
	RM	RM
Yuran belum terima	200	400
Penerimaan daripada ahli kelab		2 400

Berapakah jumlah yuran yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2021.

- A RM1 800
- B RM2 200
- C RM2 600
- D RM3 000

- 36 Maklumat yang berikut diperoleh daripada kelab Taman Aman pada 1 Januari 2022

	RM
Bank	4 500
Perabot	8 600
Inventori kraftangan	780
Yuran belum terima	250
Yuran belum terperoleh	890

Berapakah dana terkumpul pada tarikh tersebut?

- A RM13 240
 - B RM12 740
 - C RM14 520
 - D RM12 560
- 37 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kicap Pedas.

	RM
Kos bahan langsung	60 000
Gaji pekerja kilang	26 000
Inventori barang siap	41 200
Kadar bayaran kilang	10 800

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM29 600
- B RM55 600
- C RM70 800
- D RM96 800

- 38 Maklumat berikut berkaitan kos pengeluaran keropok ubi oleh Ubi Lazat Enterprise.

Kos Tetap	30 000
Harga Jualan Sebotol	P
Kos Berubah sebotol	4

Sekiranya Titik pulang modal bagi pengeluaran keropok ubi lazat ialah 6000 unit.

Berapakah nilai **P**?

- A RM8.00
 B RM6.00
 C RM10.00
 D RM9.00
- 39 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan sebuah firma pengeluaran pakaian sukan di Teluk Intan Perak pada 31 Disember 2021.

	RM
Alatan kilang	70 000
Insurans kilang	3 600
Gaji operator kilang	7 500
Sewa kilang	4 400
Elektrik dan air kilang	1 090

Maklumat Tambahan:

- (i) Alatan kilang disusutnilaika pada kadar 15% setahun atas kos.
 (ii) Elektrik dan air kilang belum bayar RM 480.

Berapakah kos overhead?

- A RM19 110
 B RM20 070
 C RM26 610
 D RM27 090

- 40 Firma Mikhail menjual jus oren dengan harga RM3.00 sebotol. Maklumat yang berikut berkaitan dengan kos pengeluaran jus epal tersebut.

	RM
Kos tetap	10 000
Kos berubah sebotol	1.75

Berapakah unit pengeluaran yang perlu dikeluarkan oleh Firma Suriati untuk mencapai untung sasaran RM8 000?

- A 14 400 unit
- B 10 286 unit
- C 8 000 unit
- D 6 400 unit

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN OBJEKTIF SET 1

NO SOALAN	JAWAPAN	NO SOALAN	JAWAPAN
1	A	21	A
2	B	22	B
3	A	23	A
4	C	24	D
5	B	25	A
6	B	26	C
7	A	27	A
8	D	28	D
9	B	29	C
10	A	30	D
11	C	31	B
12	D	32	A
13	C	33	D
14	A	34	A
15	B	35	C
16	D	36	A
17	C	37	D
18	C	38	D
19	A	39	B
20	D	40	A

OBJEKTIF SET 2

- 1 Pasangan yang manakah menerangkan simpan kira dan perakaunan dengan tepat?

	Simpan Kira	Perakaunan
A	Meliputi kerja mengumpul dokumen, merekod, melapor, mentafsir, merancang, menilai dan merumus.	Hanya melibatkan kerja mengumpul dokumen, merekod dan melapor.
B	Merangkumi skop kerja yang lebih luas.	Meliputi kerja mengumpul dokumen, merekod, melapor, mentafsir, merancang dan menilai.
C	Hanya melibatkan kerja mengumpul dokumen, merekod dan melapor.	Meliputi kerja mengumpul dokumen, merekod, melapor, mentafsir, merancang, menilai dan merumus.
D	Meliputi kerja mengumpul dokumen, merekod, melapor, mentafsir, merancang dan menilai.	Merangkumi skop kerja yang lebih luas.

- 2 Siapakah yang menjadi pengguna luaran Penyata Kewangan?

- A** Pekerja
- B** Pembekal
- C** Pihak pengurusan
- D** Pemilik perniagaan

- 3 Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Cik Azreena.

Cik Azreena menggunakan kaedah baki berkurangan untuk mengira susut nilai alatan pejabat bagi setiap tempoh kewangan.

Apakah prinsip yang dipenuhi oleh Cik Azreena?

- A** Ketekalan
- B** Prinsip kos
- C** Kos manfaat
- D** Pengiktirafan hasil dan belanja

- 4 Maklumat berikut merupakan urus niaga yang diperoleh daripada perniagaan Kedai Buku Aaron.

Membayar hutang kepada Pembekal Buku Taqwa RM8 500 dengan cek dan menerima diskaun RM200

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Hasil
A	Berkurang RM8 500	Berkurang RM8 700	Bertambah RM200
B	Bertambah RM8 300	Bertambah RM8 500	Bertambah RM200
C	Bertambah RM8 500	Bertambah RM8 700	Berkurang RM200
D	Berkurang RM8 300	Berkurang RM8 500	Berkurang RM200

- 5 Apakah dokumen yang digunakan untuk membetulkan sebarang kesilapan dan ketinggalan yang berlaku dalam invois?

- I Maklumat Debit
- II Nota Kredit
- III Nota Debit
- IV Resit

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 6 Kedai Cat Home menerima invois daripada Farmasi Manjoi bernilai RM2 300 pada 30 Ogos 2021. Invois ini adalah untuk ubat-ubatan haiwan yang telah diterima oleh kedai itu seminggu sebelum tarikh berkenaan.

Buku catatan pertama yang manakah digunakan untuk merekod butiran invois tersebut?

- A** Jurnal Am
- B** Buku Tunai
- C** Jurnal Jualan
- D** Jurnal Belian

- 7 Pada 5 Ogos 2021, Kedai Alat Tulis Sinta membeli perabot secara kredit bernilai RM2 600 daripada Kedai Perabot Nur.

Bagaimanakah urus niaga ini dicatat dalam buku akaun Kedai Alat Tulis Sinta?

A

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Ogos 5	Belian Perabot	2 600	2 600

B

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Ogos 5	Belian Kedai Perabot Nur	2 600	2 600

C

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Ogos 5	Perabot Belian	2 600	2 600

D

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Ogos 5	Perabot Kedai Perabot Nur	2 600	2 600

8 Data berikut diambil daripada Buku Tunai Runcit sebuah perniagaan.

		RM
1 Ogos 2021	Jumlah penerimaan	200
1 Ogos – 31 Ogos 2021	Jumlah pembayaran	170
1 September 2021	Baki akhir	30

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM30
 - B RM170
 - C RM200
 - D RM370
- 9 Manakah merupakan aset bukan semasa?
- A Sewa belum bayar
 - B Insurans prabayar
 - C Kadar bayaran belum bayar
 - D Komisen belum terperoleh
- 10 Kedai Labu Labi mengeluarkan cek RM1 500 kepada Bakhil Trading dan menerima diskaun tunai RM200.

Catatan yang manakah **betul** untuk merekod urus niaga tersebut?

A

Akaun Belum Bayar : Bakhil Trading			
	RM		RM
Bank	1 500		
Akaun Bank			
	RM		RM
Diskaun Diterima	200	Akaun Belum Bayar : Bakhil Trading	1 500
Akaun Diskaun Diterima			
	RM		RM
		Bank	200

B

Akaun Belum Bayar : Bakhil Trading

	RM		RM
Bank	1 300		
Diskaun Diterima	200		
Akaun Bank			

	RM		RM
		Akaun Belum Bayar :	1 300
		Bakhil Trading	

Akaun Diskaun Diterima

	RM		RM
		Akaun Belum Bayar :	200
		Bakhil Trading	

C

Akaun Belum Bayar : Bakhil Trading

	RM		RM
		Bank	1 500
		Diskaun Diterima	200
Akaun Bank			

	RM		RM
Akaun Belum Bayar : Bakhil Trading	1 500		
Akaun Diskaun Diterima			

	RM		RM
Pelbagai Akaun Belum Bayar	200		

D

Akaun Belum Bayar : Bakhil Trading

	RM		RM
Bank	1 500		
Diskaun Diterima	200		
Akaun Bank			

	RM		RM
		Akaun Belum Bayar :	1 500
		Bakhil Trading	

Akaun Diskaun Diterima

	RM		RM
		Akaun Belum Bayar :	200
		Bakhil Trading	

11 Petikan Buku Tunai diambil daripada sebuah perniagaan.

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
2021				
Ogos 6	99 Speed Mart	150		450

Akaun manakah yang menunjukkan catatan yang **betul** untuk pengeposan diskaun tunai ke lejar?

A

Akaun Diskaun Diterima				
2021			RM	
Ogos 6	Akaun Bayar	Belum	150	

B

Akaun Diskaun Diberi				
2021			RM	
Ogos 6	Akaun Bayar	Belum	150	

C

Akaun Diskaun Diterima				
			2021	RM
			Ogos 6	Akaun Bayar
		Belum	150	

D

Akaun Diskaun Diberi				
			2021	RM
			Ogos 6	Akaun Bayar
		Belum	150	

12 Antara yang berikut, yang manakah akaun kawalan yang terdapat di dalam sesebuah perniagaan?

- I Akaun Kawalan Pemiutang
- II Akaun Kawalan Belum Bayar
- III Akaun Kawalan Pembekal
- IV Akaun Kawalan Belum Terima

- A** I dan II
- B** II dan III
- C** I dan III
- D** II dan IV

- 13 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** fungsi imbalan duga?
- A Menyemak ketepatan Catatan Bergu
 - B Memudahkan penyediaan Penyata Kewangan.
 - C Tidak menyemak ketepatan pengiraan dalam Buku Catatan Pertama dan lejar.
 - D Menyemak ketepatan pemindahan dari Buku Catatan Pertama ke dalam lejar.
- 14 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Cafe Kaya Raya.

	RM
Belian barang niaga	3 000
Belian alatan pejabat	2 000
Pulangan masuk	550
Pulangan keluar	450

Berapakah jumlah belian bersih?

- A RM2 450
 - B RM2 550
 - C RM4 450
 - D RM4 550
- 15 Data berikut diambil daripada perniagaan Kedai Nabil.

	RM
Modal awal	4 500
Modal tambahan	1 500
Untung bersih	2 620
Ambilan	620

Berapakah modal akhir Kedai Nabil?

- A RM5 000
- B RM6 240
- C RM8 000
- D RM9 240

16 Antara yang berikut, yang manakah **bukan** akaun nominal?

- I Insurans Prabayar
 - II Pinjaman Jangka Panjang
 - III Sewa Diterima
 - IV Pulangan Belian
- A** I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV

17 Berikut ialah petikan Imbangan Duga Syarikat Annisa.

Imbangan Duga pada 31 Ogos 2021

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	4 000	
Peruntukan Hutang Ragu		200

Syarikat telah memutuskan bahawa 2% daripada jumlah Akaun Belum Terima diwujudkan sebagai peruntukan hutang ragu.

Apakah kesan terhadap hasil dan belanja syarikat?

- A** Hasil bertambah RM120
- B** Hasil berkurang RM80
- C** Belanja bertambah RM120
- D** Belanja berkurang RM80

- 18 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kedai Perwira pada 31 Disember 2021.

	RM
Mesin (Kos)	30 000
Susut nilai terkumpul mesin	6 000

Mesin tersebut dijual pada harga RM25 500 pada 31 Disember 2021.

Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- A Rugi pelupusan RM1 500
 - B Rugi pelupusan RM4 500
 - C Untung pelupusan RM1 500
 - D Untung pelupusan RM4 500
- 19 Antara yang berikut, yang manakah kesilapan ketara?
- A Kesilapan ketinggalan
 - B Merekodkan pada satu akaun sahaja
 - C Kesilapan saling mengimbangi
 - D Kesilapan terbalik atau songsang

20 Maklumat berikut daripada Perniagaan Camel.

Pada 30 Jun 2021, jualan tunai RM930 tersilap rekod sebagai RM903

Manakah Jurnal Am yang **betul** untuk merekodkan kesilapan tersebut?

A

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Jun 30	Tunai	930	
	Jualan		930

B

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Jun 30	Tunai	903	
	Jualan		903

C

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Jun 30	Jualan	27	
	Tunai		27

D

Jurnal Am			
Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2021		RM	RM
Jun 30	Tunai	27	
	Jualan		27

21 Antara berikut, yang manakah jenis nisbah kewangan?

- I Nisbah Kecairan
- II Nisbah kewangan
- III Nisbah Kecekapan
- IV Nisbah keberuntungan
- A** I, II dan III
- B** I, II dan IV
- C** I, III dan IV
- D** II, III dan IV

22 Petikan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi berikut diambil daripada Perniagaan Mila bagi tahun berakhir 30 Jun 2021.

	RM	RM
Jualan bersih		105 700
Tolak : Kos Jualan		
Inventori awal	7 000	
Belian bersih	78 600	
	85 600	
Tolak : Inventori akhir	6 300	
Kos Jualan	6 300	79 300
Untung Kasar		26 400

Berapakah peratus untung kasar atas kos jualan?

- A** 24.98%
- B** 30.84%
- C** 33.29%
- D** 33.59%

- 23** Situasi rekod tak lengkap yang manakah boleh berlaku dalam sesebuah perniagaan?
- A** Tiada kawalan tunai dalam perniagaan.
 - B** Buku-buku akaun telah tercicir atau musnah.
 - C** Jumlah imbalan duga tidak dihitung dengan tepat.
 - D** Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik.
- 24** Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Kek Ikhsan, sebuah perniagaan yang tidak menyimpan rekod yang lengkap.

Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2021

	RM
P	45 500
Tolak Q	15 500
	30 000

- Apakah butiran **P** dan **Q**?
- A** Hasil dan Belanja
 - B** Aset dan Liabiliti
 - C** Modal akhir dan Modal awal
 - D** Aset semasa dan Liabiliti Semasa
- 25** Apakah tujuan Penyata Penyesuaian bank disediakan?
- A** Menyelaras baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank.
 - B** Merekodkan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank.
 - C** Mengawal penerimaan dan pembayaran wang dengan cek.
 - D** Menentukan keupayaan bank mengawal aliran keluar masuk wang.

- 26 Petikan Penyata Bank dan Buku Tunai berikut diperoleh daripada buku Kedai Super Wing.

Penyata Bank (petikan)

Tarikh	Butir	No Cek	Wang Keluar (Debit)	Wang Masuk (Kredit)	Baki
2021			RM	RM	RM
Mac 17		00113		160	

Buku Tunai (Ruangan Bank)

2021		RM
Mac 12	Jualan (00113)	610

Maklumat tambahan:

Jumlah jualan tersalah catat dalam Buku Tunai.

Apakah catatan yang perlu dibuat untuk mengemas kini Buku Tunai?

- A Debit RM160
 - B Debit RM450
 - C Kredit RM450
 - D Kredit RM610
- 27 Antara berikut, yang manakah terkandung di dalam Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961?
- I Gaji pekerja
 - II Faedah atas ambilan
 - III Kongsi untung atau kongsi rugi
 - IV Modal yang disumbangkan oleh pekongsi
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- 28** Maklumat berikut diperoleh daripada Perkongsian Syed dan Syarifah.

Modal Syed pada 1 Januari 2021 ialah RM14 000. Pada 1 Julai 2021, Syed membawa masuk modal tambahan sebanyak RM3 000. Faedah atas modal adalah 4% setahun. Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Berapakah faedah atas modal Syed?

- A** RM680
 - B** RM620
 - C** RM560
 - D** RM120
- 29** Apakah kesan terhadap perniagaan jika salah seorang rakan kongsi meninggal dunia?
- A** Perlu dibubarkan.
 - B** Boleh diambil alih oleh waris si mati.
 - C** Boleh diuruskan oleh rakan kongsi yang sedia ada.
 - D** Perlu menukar milikan perniagaan kepada milikan tunggal.
- 30** Dalam keadaan bagaimanakah, Akaun Modal berbaki debit di akhir proses pembubaran?
- A** Tiada ambilan dibuat.
 - B** Nilai aset yang diambil alih terlalu rendah.
 - C** Modal yang disumbangkan pekongsi sangat tinggi.
 - D** Rugi realisasi melebihi baki kredit Akaun Modal pekongsi.

- 31** Pada 13 Mac 2021, Syarikat Cermin Berhad menerbitkan 1 000 000 saham biasa RM1.00 sesaham kepada orang ramai pada nilai tara. Pemohon dikehendaki membayar penuh semasa permohonan. Pada tarikh tutup permohonan 27 Mac 2021, jumlah wang yang diterima RM1 000 000.

Pilih catatan yang tepat untuk merekod urus niaga pada 27 Mac 2021.

	Debit	Kredit
A	Modal Saham Biasa	Bank
B	Modal Saham Biasa	Permohonan
C	Permohonan	Bank
D	Permohonan	Bank

- 32** Maklumat berikut berkaitan saham yang dibeli oleh Encik Malik

Pada 1 Januari 2021, Encik Malik telah membeli 20 000 unit 8% saham keutamaan RM2 sesaham. Pada 31 Julai 2021, lembaga pengarah telah mengisytiharkan dividen interim saham keutamaan 5%.

Berapakah dividen akhir?

- A** RM5 200
 - B** RM3 200
 - C** RM2 000
 - D** RM1 200
- 33** Urus niaga yang manakah merupakan sumber kewangan utama Kelab Renang Perak?
- A** Yuran keahlian
 - B** Faedah atas pelaburan
 - C** Kutipan jualan pesta ria
 - D** Jualan aset bukan semasa

34 Maklumat berikut diperoleh daripada buku Kelab Kembara Muda.

Akaun Yuran					
2021		RM	2021		RM
Jan 1	Baki b/b	70	Jan 1	Baki b/b	140
Dis 31	J	1 060	Dis 31	K	950
	Baki h/b	60		Baki h/b	100
		<u>1 190</u>			<u>1 190</u>

Apakah **J** dan **K**?

	J	K
A	Bank	Untung rugi
B	Pendapatan dan Perbelanjaan	Bank
C	Bank	Pendapatan dan perbelanjaan
D	Untung rugi	Bank

35 Kelab Kesenian dan Warisan telah mengadakan pertunjukan fesyen untuk mengutip derma bagi menambahkan tabung kelab. Pertunjukan tersebut telah berjaya mengumpulkan sebanyak RM14 700 daripada orang ramai.

Pilih catatan yang **tepat** dalam petikan Penyata Kewangan.

A

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan		
		RM
	Derma	14 700

B

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan		
	RM	
Derma	14 700	

C

Akaun Perdagangan		
		RM
	Derma	14 700

D

Akaun Perdagangan		
	RM	
Derma	14 700	

- 36 Petikan Penyata Kedudukan Kewangan berikut diperoleh daripada Kelab Sukan Mesra.

Kelab Sukan Mesra

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021

	RM
<u>Dana Terkumpul</u>	
Dana terkumpul awal	8 500
Tolak : X	1 500
	10 000
Tolak : Yuran masuk	2 600
Dana terkumpul akhir	12 600

Apakah butiran **X**?

- A Untung
 - B Lebihan
 - C Untung bersih
 - D Modal tambahan
- 37 Data berikut diperoleh daripada Kilang Biskut Sedap.

	RM
Bahan langsung	8 500
Buruh langsung	3 500
Susut nilai mesin	1 000
Buruh tak langsung	2 000
Barang siap	20 000
Kerja dalam proses awal	4 500
Kerja dalam proses akhir	2 100

Hitungkan Kos Pengeluaran.

- A RM4 500
- B RM5 600
- C RM15 400
- D RM17 400

- 38** Pusat Kecantikan Mustika menawarkan perkhidmatan rawatan muka yang berasaskan minyak aroma. Kos yang terlibat dalam perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

	RM
Harga jualan seunit	45
Kos berubah seunit	30
Kos tetap	2 400

Berapakah bilangan perkhidmatan yang perlu diberikan sekiranya kos tetap meningkat sebanyak 25%?

- A** 120 unit
- B** 160 unit
- C** 200 unit
- D** 280 unit

Soalan 39 dan **Soalan 40** adalah merujuk kepada maklumat yang diambil dari buku perniagaan Encik Azam, seorang pengeluar.

	RM
Kos berubah 100 unit	800
Harga jualan seunit	20
Kos tetap	3 000

- 39** Berapakah margin curaman seunit?
- A** RM8
 - B** RM12
 - C** RM28
 - D** RM36
- 40** Berapakah titik pulangan modalnya?
- A** RM1 800
 - B** RM4 200
 - C** RM5 000
 - D** RM7 500

KERTAS SOALAN TAMAT

JAWAPAN OBJEKTIF SET 2

NO SOALAN		JAWAPAN	NO SOALAN	JAWAPAN
1		C	21	C
2		B	22	C
3		A	23	B
4		A	24	B
5		C	25	A
6		D	26	C
7		D	27	D
8		B	28	B
9		B	29	A
10		D	30	D
11		C	31	D
12		D	32	D
13		C	33	A
14		B	34	B
15		C	35	A
16		A	36	B
17		A	37	D
18		C	38	C
19		B	39	B
20		D	40	C

OBJEKTIF SET 3

- 1 Apakah proses yang menunjukkan turutan tatacara perakaunan yang berlaku dalam satu tempoh perakaunan?
- A Prinsip Perakaunan
 - B Sistem Perakaunan
 - C Kitaran Perakaunan
 - D Konsep Perakaunan

- 2 Situasi berikut berkaitan dengan satu andaian perakaunan

Cik Nia pemilik Butik Pengantin Cahaya telah mengambil 2 pasang kain sampin songket untuk dihadiahkan kepada anaknya.

Berpandukan situasi di atas, apakah andaian perakaunan yang dipatuhi oleh Cik Nia?

- A Ketekalan
 - B Prinsip kos
 - C Entiti Berasingan
 - D Wang sebagai ukuran
- 3 Yang mana satukah butir dalam komponen kos belian?
- A Jualan
 - B Insurans
 - C Angkutan keluar
 - D Insurans atas belian
- 4 Perniagaan Azlee menyewakan sebahagian daripada premisnya kepada Kedai Gunting Rambut Simon. Setiap bulan Perniagaan Azlee menerima sewa daripada Encik Simon. Apakah kategori sewa yang diterima tersebut?
- A Hasil operasi
 - B Belanja operasi
 - C Hasil bukan operasi
 - D Belanja bukan operasi

5 Aliran dokumen berikut berlaku dalam urusniaga tunai



Apakah **G**?

- A Resit
 - B Memo
 - C Keratan cek
 - D Penyata akaun
- 6 Pernyataan yang manakah benar tentang diskaun niaga?
- A Potongan daripada jumlah hutang.
 - B Diberikan semasa urusan pembayaran .
 - C Menggalakkan pembelian secara pukal.
 - D Potongan daripada harga bersih dalam invois .
- 7 Pada 14 Jun 2021, Cik Chin telah mengambil kasut sekolah bernilai RM60 daripada inventori perniagaan untuk kegunaan sepupunya. Jurnal Am di bawah digunakan oleh kerani akaun untuk merekodkan urusniaga tersebut.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
2021	P	60	
Jun 14	Q		60

Manakah yang betul bagi **P** dan **Q**?

- | P | Q |
|-------------|-----------|
| A Inventori | Belian |
| B Belian | Inventori |
| C Ambilan | Belian |
| D Belian | Ambilan |

- 8 Berikut adalah dokumen yang diperolehi daripada Kedai Buku Rani.

<p>KEDAI BUKU RANI 123 JalanMelati, 36000 Taiping, Perak</p>		
<p>MEMO</p>		
Kepada:	Kerani	akaun
Tarikh:	4 Januari 2020	
Daripada:	Pengurus	
<p>Pemilik telah mengambil 10 buah buku untuk tujuan promosi.</p>		
		Alya
	
		Pengurus

Apakah buku catatan pertama yang akan digunakan untuk merekodkan dokumen di atas?

- A Jurnal Am
 - B Jurnal Belian
 - C Jurnal Jualan
 - D Jurnal Pulangan Belian
- 9 Antara berikut manakah langkah untuk mengimbangkan akaun mengikut urutan yang betul.
- I Jumlahkan kedua-dua lajur debit dan kredit.
 - II Catatkan perbezaan itu di bahagian yang kurang.
 - III Cari perbezaan di antara lajur debit dan lajur kredit.
 - IV Catatkan jumlah yang lebih besar sebagai jumlah di kedua-dua lajur.
- A I, III, IV, II
 - B I, IV, III, II
 - C IV, I, II, III
 - D IV, I, III, II

10 Lajur jualan Kedai Chan menunjukkan maklumat berikut:

Akaun Belum Terima – Encik Andy

2019			RM	2019			RM
Jan 1	Baki b/b	5 100		Jan 11	Bank	3 600	

Apakah urusniaga yang berlaku pada 11 Januari 2019?

- A** Kedai Chan menjual barang niaga RM3 600 dengan cek kepada Encik Andy.
- B** Kedai Chan membeli barang niaga RM3 600 dengan cek kepada Encik Andy.
- C** Kedai Chan membuat pembayaran hutang RM3 600 dengan cek kepada Encik Andy.
- D** Kedai Chan menerima pembayaran hutang daripada Encik Andy dengan cek RM3 600.

- 11 Jurnal Pulangan Jualan berikut diambil daripada buku pemborong buah-buahan:

Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah (RM)
2019		
Apr. 14	Chin	90
15	Auni	10
30	Akaun Pulangan Jualan	100

Bagaimanakah catatan yang betul dalam Akaun Pulangan Jualan?

A

Akaun Pulangan Jualan

2019	RM	2019	RM
		Apr 30 Akaun Terima	Belum 100

B

Akaun Pulangan Jualan

2019	RM	2019	RM
Apr 30 Akaun Terima	Belum 100		

C

Akaun Pulangan Jualan

2019	RM	2019	RM
Apr. 14 Fatin	90		
15 Linda	10		

D

Akaun Pulangan Jualan

2019	RM	2019	RM
		Apr. 14 Fatin	90
		15 Linda	10

- 12 Apakah tujuan penyediaan Akaun Kawalan?
- A Menghitung lebihan tunai perniagaan.
 - B Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan.
 - C Menyenggaraikan Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar.
 - D Menyemak ketepatan catatan dalam lejar Akaun Belum Bayar dan Akaun Belum Terima.
- 13 Petikan Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perakaunan Sabrina Trading:

Imbangan Duga Pada 30 Jun 2021

	RM	RM
Modal		X
Ambilan	2 300	
Premis	15 000	
Akaun Belum Terima	2 700	
Akaun Belum Bayar		2 400
Inventori	6 700	
Diskaun Diterima		300

Berapakah nilai **X**?

- A RM2 700
 - B RM24 000
 - C RM26 700
 - D RM29 400
- 14 Pilih padanan yang betul.

Komponen	Butiran
A Kos Jualan	Jualan, Pulangan Jualan
B Kos Jualan	Belian, Angkutan Masuk
C Jualan Bersih	Jualan, Angkutan Masuk
D Jualan Bersih	Pulangan Belian, Angkutan Keluar

15 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Lee pada 31 Julai 2021.

	RM
Sewa belum bayar pada 1 Ogos 2020	2 400
Sewa yang telah dibayar sehingga 31 Julai 2021	15 200
Sewa tahunan	14 400

Berapakah sewa belum bayar bagi tahun kewangan tersebut?

- A RM800
 - B RM1 600
 - C RM2 400
 - D RM3 200
- 16 Antara yang berikut, yang manakah menyebabkan berlakunya hutang lapuk?
- I Akaun Belum Terima sakit.
 - II Akaun Belum Terima muflis.
 - III Akaun Belum Terima tidak dapat dihubungi.
 - IV Akaun Belum Terima meninggal dunia.
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

- 17 Maklumat berikut dipetik daripada buku Perniagaan Hing yang menjalankan perniagaan membaiki perabot.

	1 Januari 2021	31 Disember 2021
	RM	RM
Alatan kecil	720	560

Maklumat tambahan:

Alatan kecil berjumlah RM800 telah dibeli sepanjang tahun 2021.

Berapakah susutnilai alatan kecil yang dicatat dalam Akaun Untung Rugi?

- A RM240
 - B RM400
 - C RM880
 - D RM960
- 18 Akaun berikut dipetik daripada Sri Indah Trading

Akaun Pelupusan Alatan Pejabat

		RM	2021	RM	
Jul. 31	Alatan Pejabat	16 000	Jul. 31	Susutnilai terkumpul	6 400
	P	1 600		Bank	11 200

Apakah **P**?

- A Baki b/b
- B Susut nilai
- C Rugi pelupusan
- D Untung pelupusan

19 Di bahagian manakah gaji belum bayar direkodkan di penyata kewangan?

- A Hasil
- B Belanja
- C Aset semasa
- D Liabiliti semasa

20 Pada 31 Mei 2019, Imbangan Duga Syarikat SOOzie menunjukkan butir alat tulis sebanyak RM1 180. Selepas pelarasan dibuat, didapati sebanyak RM240 alat tulis masih belum digunakan. Manakah catatan yang betul dalam Imbangan Duga Terselaras?

A	Debit (RM)	Kredit (RM)
Alat tulis	1 180	
Inventori alat tulis	2 40	

B	Debit (RM)	Kredit (RM)
Alat tulis	940	
Inventori alat tulis	240	

C	Debit (RM)	Kredit (RM)
Alat tulis	1 180	
Inventori alat tulis		240

D	Debit (RM)	Kredit (RM)
Alat tulis	940	
Inventori alat tulis		2 40

21 Maklumat yang manakah tidak diperlukan dalam pengiraan nisbah ujian asid?

- A Tunai
- B Inventori akhir
- C Overdraf bank
- D Akaun Belum Terima

22 Maklumat yang berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Runcit Yap.

Inventori 1 Jun 2021	RM20 000
Inventori 31 Mei 2022	RM70 000
Jualan	RM486 000
Untung kasar	RM246 000

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A** 4 kali
- B** 5 kali
- C** 6 kali
- D** 8 kali

23 Apakah butir yang diambil kira dalam pengiraan modal akhir?

- I Sewa dibayar
- II Sewa diterima
- III Sewa prabayar
- IV Sewa belum terima

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

24 Apakah maklumat yang boleh diperolehi dengan membuat analisis Buku Tunai?

- I Jualan tunai
- II Kadar bayaran
- III Inventori akhir
- IV Ambilan barang niaga

- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III
- D** III dan IV

- 25 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Tudung Teh yang tidak menyimpan rekod mengikut Sistem Catatan Bergu.

	1 April 2019	31 Mac 2020
Lengkapan	RM8 500	RM9 200

Buku Tunai (Petikan)

	RM
Lengkapan	2 400

